



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i



Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP)  |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 21 Ogos 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**



PENYELUDUP akan menggunakan jalan laut atau bot nelayan bagi mengaburi pemantauan pihak berkuasa jika jeti haram di Sungai Golok dirobohkan.

## ROBOH JETI HARAM

# Mampu turun angka rampasan

**Kota Bharu:** Cadangan pihak berkuasa mahu meroboh jeti haram di sepanjang Sungai Golok di empat jajahan di negeri ini dijangka mampu menuarkan angka rampasan barang subsidi cuba diselaweng ke negara jiran.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Nege ri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, bagaimanapun pihak berkuasa masih lagi perlu berdepan dengan taktik penyeludup yang mungkin beralih ke laluan lain termasuk jalan laut.

Katanya lagi, penyelu-

dup akan tetap mencari jalan bagi ‘menjayakan’ pekerjaan yang sudah dilakukan sejak turun temurun.

“Cadangan untuk merobohkan jeti haram berkenaan semestinya menjadikan angka kes rampasan menurun dengan ketara.

“Bagaimanapun sege lintir penyeludup masih akan meneruskan kegiatan itu.

“Mereka akan mencari laluan atau alternatif lain. Malah ada kemungkinan mereka akan menggunakan jalan laut atau bot nelayan bagi mengaburi pemantauan pihak berku-

sa,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan sebanyak 212 pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok di empat jajahan iaitu di Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah dan Jeli akan dirobohkan dalam masa terdekat.

Kerajaan negeri melalui PBT akan memberi notis kepada pemilik jeti haram di sepanjang Sungai Golok bermula dari Pengkalan Kubor hingga Rantau Panjang sebelum semua pangkalan haram dirobohkan segera.

## Dua nelayan dipenjara enam bulan miliki 325 liter petrol tanpa lesen

Oleh Hamzah Sanudin

**TAWAU:** Dua nelayan warga Filipina dihukum penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah memiliki 325 liter petrol tanpa lesen di perairan Semporna, minggu lalu.

Jamal Risal, 37, dan Mad Kasim Saudi, 45, yang juga

pendatang tanpa izin (PTI) membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Faizadli Yahaya.

Mengikut pertuduhan, kedua-duanya didakwa berurusan dengan petrol yang dikategorikan sebagai barang kawalan berjadual secara borong atau runcit tanpa lesen sah di bawah

Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di kawasan perairan selatan Pulau Mataking, Semporna, kira-kira jam 9.30 pagi, pada 14 Ogos lalu.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM1 juta atau

penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122].

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Semporna, PPP Samat Mapiare mengendalikan kes berkenaan, manakala kedua-dua ter-

tuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah turut memerintahkan kedua-duanya dirujuk ke Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk dihantar pulang ke negara asal selepas selesai menjalani hukuman.

Hukuman berkuat kuasa dari tarikh mereka ditangkap iaitu pada 14 Ogos lalu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Bantuan tunai, penurunan OPR tangani tekanan ekonomi semasa



Oleh Dr Cheah Chan Fatt  
phrenanca@bh.com.my

Pensyarah di Pusat Pengajian Pengembangan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya

**Bantuan** tunai RM100 secara *one-off* kepada semua warganegara berusia 18 tahun ke atas melalui MyKad disertai penurunan kadar faedah sebanyak 25 mata asas oleh Bank Negara Malaysia (BNM), membentuk satu pendekatan dasar saling melengkapi dalam menangani tekanan ekonomi semasa.

Kedua-dua langkah ini bukan sahaja bersifat responsif terhadap cabaran makro-ekonomi, tetapi memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 yang menetap di bandar.

Golongan berpendapatan rendah dan sederhana di bandar menghadapi tekanan kos sara hidup lebih tinggi berbanding di luar bandar. Kenaikan harga barangan asas dan perkhidmatan, terutama selepas peluasan kategori Cukai Barang dan Perkhidmatan (SST), menyebabkan kuasa beli mereka merosot secara ketara.

Dalam konteks ini, bantuan RM100 dikreditkan terus ke MyKad untuk pembelian barang-an asas seperti beras, ubat-ubatan, produk kebersihan dan alat tulis, menjadi satu bentuk sokongan segera sangat diperlukan.

Walaupun jumlahnya kelihatan kecil, impaknya

besar apabila digabungkan dengan penjimatan lain seperti subsidi bersasar dan penangguhan tol.

Bagi keluarga bandar terdiri daripada empat orang dewasa, jumlah bantuan boleh mencecah RM400, cukup untuk menampung keperluan dapur selama beberapa minggu.

Pada masa sama, penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) oleh BNM kepada 2.75 peratus menjadikan kos pinjaman lebih rendah, sekali gus memberi ruang kepada isi rumah dan perniagaan kecil untuk bernafas.

#### Jimat ratusan ringgit sebulan

Bagi golongan M40 yang mungkin mempunyai komitmen pinjaman rumah, kereta atau pendidikan, pengurangan kadar faedah ini boleh menjimatkan ratusan ringgit sebulan.

Ia juga membuka peluang kepada perusahaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mendapatkan pembiayaan tambahan bagi memperluas operasi atau menambah stok, terutama menjelang musim perayaan dan cuti sekolah. Kombinasi bantuan tunai dan pelonggaran dasar monetari ini turut menyokong pemuliharaan sektor runcit serta perdagangan domestik. Dengan lebih 22 juta individu dewasa layak menerima bantuan RM100, suntikan fiskal mencecah lebih RM2 bilion ke dalam ekonomi.

Ini dijangka merangsang semula aktiviti perniagaan di pasar raya seperti Mydin, Lotus's dan

99Speedmart, serta kedai runcit komuniti terbabit dalam program MyKash.

Peningkatan perniataan terhadap barang-asas akan memberi kesan limpahan kepada rantau bakanal, logistik dan pengangkutan, sekali gus mengaktifkan semula ekosistem perdagangan tempatan.

Dari sudut dasar langkah ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam melaksanakan pendekatan fiskal dan monetari bersifat inklusif dan bersasar.

Ia bukan sahaja membantu rakyat menghadapi tekanan ekonomi jangka pendek, tetapi memperkuuh daya tahan ekonomi negara dalam menghadapi ketidaktentuan global.

Bantuan tunai melalui MyKad dikawal secara digital juga mengurangkan risiko ketirisan dan penyalahgunaan, menjadikannya lebih telus dan berkesan.

Secara keseluruhan, gabungan bantuan tunai RM100 dan penurunan kadar faedah BNM adalah strategi dua hala menyasarkan kesejahteraan rakyat serta kestabilan ekonomi.

Ia memberi kelegaan kepada golongan B40 dan M40 bandar yang paling terkesan, sambil menyokong pemuliharaan ekonomi negara secara menyeluruh.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

## **More items exempted under SST than GST**

MORE goods are exempted or zero-rated under the Sales and Service Tax (SST) compared to the Goods and Services Tax (GST), the Dewan Rakyat was told.

According to the Finance Ministry, a total of 1,826 items are exempted under the SST, compared to 607 goods under the GST before it was abolished in 2018.

The ministry said the main exempted items cover basic necessities such as food ingredients, medicine and reading material.

“The SST also excludes livestock and pet food, basic construction materials, fertilisers, pesticides, as well as agricultural and livestock machinery,” it said in a written reply.

The ministry added that the SST is levied on 70% of services in the economy, compared to 76% under the GST, based on the Malaysia Standard Industrial Classification Codes.

“The government remains committed and careful in widening the scope of SST. This will be done in a targeted and progressive manner, taking into account its impact on the cost of living,” it added.

It said the broader exemptions and lower scope of services under the SST reflect the government’s sincerity in safeguarding public well-being while ensuring stronger fiscal sustainability in line with the Madani economic framework.

The ministry was responding to Yuneswaran Ramaraj (PH-Segamat), who asked about the number of items exempted under the SST compared to the GST.

HARI: KHAMIS  
TARIKH: 21/8/2025  
M/SURAT: 6

(吉隆坡20日讯)  
财政部长拿督斯里安华指出，豁免销售与服务税的商品比2018年消费税取消之前的豁免商品更多。

他说，在今年7月1日起扩大与调整销售与服务税下，豁免商品数量有1826种，而消费税取消前零税率的商品则是607种。

## 仅607商品 豁免GST

他是昨日在国会书面回应公正党昔加末区国会议员华嵒要求说明与消费税相比，2025年度豁免销售与服务税的商品总额，并说明豁免商品的类别。

安华表示，与消费税相比，销售与服务税下豁免的商品种类更多，服务范围占比更

## 安華：比GST取消前多 1826商品豁免SST

低，这体现了政府在保障人民福祉的同时，也确保国家财政更加可持续，这与昌明大马的宗旨相符。

他指出，豁免销售与服务税及消费税的商品包括多种基本必需品及民众日常使用的商品，如：

- (i) 未加工或未处理的食品，例如鸡肉、牛肉、羊肉、鱼类、蔬菜、本地水果和白米；
- (ii) 加工食品，如面粉、糖、盐、白面包、牛奶和棕油；
- (iii) 药品和医疗设备；以及
- (iv) 阅读刊物。

他说，养殖和宠物

饲料、建筑原材料、肥料、农药、农业和畜牧业机械也豁免销售与服务税。

他说，根据马来西亚标准行业分类（MSIC）代码中的服务清单，服务税针对经济体内70%的服务征税，而消费税则针对76%的服务项目征税。

各类基础服务豁免服务税，包括

- (i) 陆地和海上乘客运输服务，如校车、长途巴士、轻轨、火车和渡轮；
- (ii) 沙巴和砂拉越地区的乡村空运服务；
- (iii) 预付电信服

务；  
(iv) 食品和饮料配送服务（电子商务）；  
(v) 住宅房屋租赁；  
(vi) 住宅房屋维修；  
(vii) 住宅房屋清洁服务；  
(viii) 水供应；  
(ix) 600千瓦时以下的住宅用电；  
(x) 商业场所的电力供应。

他强调，政府在实施扩大销售与服务税时，保持谨慎并致力于确保实施过程的精准与渐进，考虑到对民众生活成本的影响。政府还提供更为务实和全面的措施，以减少双重税收和生活成本的影响，同时促进可持续的经济增长。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 OGOS 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Aug	Health Ministry Pilots New Medicine ‘Price Catcher’ App	<a href="https://codeblue.galencentre.org/2025/08/health-ministry-pilots-new-medicine-price-catcher-app/">https://codeblue.galencentre.org/2025/08/health-ministry-pilots-new-medicine-price-catcher-app/</a>	GALEN CENTRE
21-Aug	Roboh jeti haram: Penyeludup mungkin guna laluan lain - KPDN	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435690/roboh-jeti-haram-penyeludup-mungkin-guna-laluan-lain-kpdn?">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435690/roboh-jeti-haram-penyeludup-mungkin-guna-laluan-lain-kpdn?</a>	BERITA HARIAN
21-Aug	Premis sawit di Sungai Petani tipu alat timbang, disita KPDN	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/premis-sawit-di-sungai-petani-tipu-alat-timbang,-disita-kpdn">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/premis-sawit-di-sungai-petani-tipu-alat-timbang,-disita-kpdn</a>	RTM
21-Aug	Pemilikan hartanah, kenderaan mewah antara kriteria tambahan dipertimbang tentukan kelayakan subsidi RON95	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/08/1435519/pemilikan-hartanah-kenderaan-mewah-antara-">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/08/1435519/pemilikan-hartanah-kenderaan-mewah-antara-</a>	BERITA HARIAN
21-Aug	Duo jailed for smuggling petrol	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/264949/duo-jailed-for-">https://www.dailyexpress.com.my/news/264949/duo-jailed-for-</a>	DAILY EXPRESS
21-Aug	Dua dipenjara kerana seludup petrol	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/264983/dua-dipenjara-kerana-seludup-petrol/">https://www.dailyexpress.com.my/news/264983/dua-dipenjara-kerana-seludup-petrol/</a>	DAILY EXPRESS
21-Aug	Dua nelayan dipenjara enam bulan miliki 325 liter petrol tanpa lesen	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/20/dua-nelayan-dipenjara-enam-bulan-miliki-325-liter-petrol-tanpa-lesen">https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/20/dua-nelayan-dipenjara-enam-bulan-miliki-325-liter-petrol-tanpa-lesen</a>	UTUSAN BORNEO
21-Aug	Duo jailed for smuggling petrol	<a href="https://newswav.com/article/duo-jailed-for-smuggling-petrol-">https://newswav.com/article/duo-jailed-for-smuggling-petrol-</a>	NEWSWAV